

## **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang Permohonan Keluaran 02(10.08.2015) : Pindaan 00. Borang tersebut boleh diperolehi di:

**UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR  
TINGKAT 1, MENARA SELATAN  
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH  
40676 SHAH ALAM  
@ [www.jais.gov.my](http://www.jais.gov.my) @ [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)**

- b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, salinan kad pengenalan ibu dan bapa serta salinan sijil kelahiran pemohon, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- c) Semua salinan sijil hendaklah **diakui sah**.
- d) **Permohonan yang berikut akan ditolak/ tidak akan diproses jika :**  
tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;  
tidak lengkap atau tidak terang;  
tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan;  
tidak besertakan gambar dan  
tidak ditandatangani.
- e) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada :

**PENGARAH  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR  
TINGKAT 1, MENARA SELATAN  
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH  
NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK  
SEKSYEN 5, 40676 SHAH ALAM  
(u.p. : Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

Sebelum atau pada **21 Januari 2016**

- f) Hanya calon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
- g) Permohonan adalah dianggap **Tidak Berjaya** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh masa seperti yang berikut:  
selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau  
selepas 6 bulan dari tarikh temuduga  
(sekiranya berjaya dipanggil temuduga)
- h) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urusetia di talian **03-5514 3536 / 3475 / 3405 / 3550**



## JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

### IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon ANAK NEGERI SELANGOR yang berkelayakan untuk mengisi jawatan perkhidmatan kontrak seperti berikut :

JAWATAN		KEKOSONGAN
A	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41	37
B	Penolong Pegawai Teknologi Makanan Gred C27	1
C	Penolong Jurutera Gred JA29	3
D	Penolong Juruukur Bahan Gred JA29	1
E	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (PPMD) Gred S27 (Lelaki)	1
F	Juruteknik Komputer Gred FT17	1
G	Pembantu Makmal Gred C17	1
H	Penyelia Asrama Gred N17	2
I	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17	1
J	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17	2

<b>K</b>	<b>Pemandu Kenderaan Gred H11 (Lelaki)</b>	<b>1</b>
<b>L</b>	<b>Pembantu Awam Gred H11 (Lelaki)</b>	<b>1</b>
<b>M</b>	<b>Pembantu Operasi Gred N11</b>	<b>1</b>

## 2. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

<b>A</b>	<b>PENGURUSAN &amp; PROFESIONAL</b>
<b>B - J</b>	<b>SOKONGAN</b>
<b>K - M</b>	<b>PELAKSANA</b>

### 3. TARAF JAWATAN :

- **CONTRACT OF SERVICE**

### 4. UMUR :

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

### 5. WARGANEGARA :

- Warganegara Malaysia; dan
- Kelahiran Negeri Selangor, atau ibu atau bapa dilahirkan di Negeri Selangor, atau telah bermastautin di Negeri Selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu.

(Surat pengesahan pemastautin hendaklah dilampirkan bersama borang permohonan)

### 6. TEMPOH PERKHIDMATAN :

- 2 Tahun

## 7. SYARAT LANTIKAN & JADUAL GAJI

### JAWATAN A : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41

---

#### JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,917.00	RM8,652.00	RM225.00

#### Syarat Lantikan:

- a)
- i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[ Gaji Permulaan : RM2,018.52 ]; atau
  - ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[ Gaji Permulaan : RM2,222.94 ]; atau
  - iii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[ Gaji Permulaan : RM2,222.94 ]; atau
  - iv) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[ Gaji Permulaan : RM2,733.98 ]; atau
  - v) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[ Gaji Permulaan : RM3,040.60 ].
- b) Kejujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **JAWATAN B : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN GRED C27**

---

### **JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,374.00	RM5,116.00	RM145.00

### **Syarat Lantikan:**

- a) Diploma dalam bidang teknologi makanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [ Gaji Permulaan: RM1,749.12 ]
- b) lulus B.M. (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **JAWATAN C : PENOLONG JURUTERA GRED JA29**

---

### **JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,751.00	RM5,121.00	RM145.00

### **Syarat Lantikan:**

- a)
  - i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [ Gaji Permulaan: RM1,417.59 ]; atau
  - ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [ Gaji Permulaan: RM1,826.02 ]
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **JAWATAN D : PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA29**

---

### **JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,418.00	RM5,121.00	RM145.00

### **Syarat Lantikan:**

- a)
  - i) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [ Gaji Permulaan: RM1,418.00 ] ; atau
  - ii) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [ Gaji Permulaan: RM1,826.02 ]
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**JAWATAN E : PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM (PPMD) GRED S27 (LELAKI)**

---

**JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,418.00	RM5,121.00	RM145.00

**Syarat Lantikan:**

- a)
- i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab [ Gaji Permulaan: RM1,362.00 ]; atau
  - ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan [ Gaji Permulaan: RM1,362.00 ]; atau
  - iii) Syahadah Institut Tahfiz dan Latihan Al-Quran daripada Maahad Tahfiz Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan [ Gaji Permulaan: RM1,661.95 ]; atau
  - iv) Diploma dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [ Gaji Permulaan: RM1,661.95 ]
- b) lulus B.M. (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## JAWATAN F : JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17

---

### JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM953.00	RM3,490.00	RM95.00

### Syarat Lantikan:

- a)
- i) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; [ Gaji Permulaan : RM953.00 ] atau
  - ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; [ Gaji Permulaan : RM1,010.77 ] atau
  - iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; [ Gaji Permulaan : RM1,068.89 ] atau
  - iv) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; [ Gaji Permulaan : RM1,243.24 ] atau
  - v) Sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; [ Gaji Permulaan : RM1,417.59 ]
- b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **JAWATAN G : PENYELIA ASRAMA GRED N17**

---

### **JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM928.00	RM3,375.00	RM95.00

### **Syarat Lantikan:**

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; [ Gaji Permulaan : RM928.00 ]
- b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan kecuali calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) (ii) di atas.

## **JAWATAN H : PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S17**

---

### **JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM928.00	RM3,375.00	RM95.00

### **Syarat Lantikan:**

- a)
  - i) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Agama Islam dan lulus Bahasa Arab; [ Gaji Permulaan : RM928.00 ] atau
  - ii) Sijil IV Thanawi atau Sijil Tinggi Agama dari Sekolah Agama Bantuan Penuh Kerajaan; [ Gaji Permulaan : RM928.00 ]
- b) lulus Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## JAWATAN I : PEMBANTU MAKMAL GRED C17

---

### JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM933.00	RM3,380.00	RM95.00

### Syarat Lantikan:

a)

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut; [ Gaji Permulaan : RM933.00 ] dan

b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **JAWATAN J : PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17**

---

### **JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM929.00	RM3,377.00	RM95.00

### **Syarat Lantikan:**

- a)
- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam mata pelajaran Matematik atau Perdagangan atau Akaun pada peringkat peperiksaan tersebut [ Gaji Permulaan : RM929.00 ] ; atau
  - ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan [ Gaji Permulaan : RM985.13 ] ; atau
  - iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan [ Gaji Permulaan : RM1,154.33 ] ; atau
  - iv) Sijil dalam bidang Pengurusan Perniagaan atau Penyimpan Kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. [ Gaji Permulaan : RM1,379.92 ]
- b) Kejujian dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

## JAWATAN K : PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (LELAKI)

---

### JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM837.00	RM2,619.00	RM80.00

- a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- b) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- c) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.  
Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D	RM 896.15
Lesen E/E1/E2	RM 942.30
Lesen F/H	RM 988.45
Lesen G/I	RM 1,034.60

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **JAWATAN L : PEMBANTU AWAM GRED H11 (LELAKI)**

---

### **JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM837.00	RM2,619.00	RM80.00

### **Syarat Lantikan:**

- a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. [Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM850.00]
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **JAWATAN M : PEMBANTU OPERASI GRED N11**

---

### **JADUAL GAJI ( MINIMUM – MAKSIMUM )**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM802.00	RM2,663.00	RM80.00

### **Syarat Lantikan:**

- a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM847.99); atau
- b) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)].(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM894.14).
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.